

1907/03/19-19MST

**CNS3828**

U GB 08-03 00141 BH404.

bah

Parlimen - Mahathir (DAP)

DAP PERLU BERTERIMA KASIH KEPADA KERAJAAN

KUALA LUMPUR, 8 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, DAP perlu berterima kasih kepada kerajaan Barisan Nasional kerana berusaha meminda Perlembagaan Persekutuan yang turut memberi perlindungan kepada anggota parti itu.

Perdana Menteri itu berkata, pindaan ini tentu tidak dapat dibuat jika mengharapkan persetujuan daripada DAP walaupun tindakan meminda itu bagi tujuan kepentingan rakyat.

"Kalau pindaan ini tidak dibuat mungkin ramai lagi anggota DAP menjadi mangsa sultan," kata beliau ketika bangun menjawab pertanyaan Encik Lim Guan Eng (DAP-Kota Melaka) di persidangan khas Dewan Rakyat yang membahaskan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) hari ini.

Lim meminta penjelasan daripada Perdana Menteri mengenai tindakan yang diambil oleh kerajaan terhadap Tengku Mahkota Johor yang didakwa merogol seorang wanita Melayu. -- Lagi

▼08/03/19-19MST

**CNS3829**

U GB 08-03 00094 BH405

bah

Parlimen - Mahathir (DAP) 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, beliau hairan dengan pendirian DAP yang menolak pindaan ini pada persidangan lepas tetapi menyokong pada persidangan ini.

Katanya DAP menyokong pindaan kali ini kerana ia telah mendapat perkenan raja dan "tidak payahlah parti itu memberikan penjelasan mengenai pendiriannya yang positif terhadap Rang Undang-undang itu."

Sebelum itu, Lim meminta kerajaan menjelaskan tindakan yang diambil terhadap Tengku Mahkota itu yang tidak dilindungi kekebalan menurut Perlembagaan setelah Rang Undang-undang itu mendapat perkenan Raja. -- Bernama

▼08/03/19-19MST